


# Lawatan Ilmu Ke-6: Pemantapan ilmu sains untuk pelajar tahun 6 SK Lahar Kepar, Penaga, SPU

Disediakan oleh: ChM Marina binti Mokhtar




Satu program Lawatan Ilmu Ke-6 anjuran Jabatan Sains Gunaan (JSG) dengan kerjasama Kelab Kakitangan UiTM (KKUiTM), Cawangan Pulau Pinang telah dijalankan pada 13 Mac 2019 yang lalu. Lawatan ilmu ini yang merupakan tahun ke-6 penganjurannya oleh JSG telah direalisasikan dengan lawatan oleh para pelajar tahun 6 yang baru sahaja selesai menduduki ujian penilaian sekolah rendah (UPSR) bersama beberapa orang pelajar tahun 5. Kehadiran mereka diiringi oleh lima orang guru pengiring.

Pelajar ini telah diberikan kepercayaan untuk menjalankan beberapa ujikaji kimia dan fizik di bawah pengawasan beberapa orang pensyarah kimia dan fizik serta pembantu makmal. Mereka turut diberikan ceramah pendek bertajuk ‘Fun with Science’ yang berkisar tentang sains dan kehidupan oleh En Mohd Noor Mokhtar.



Di antara aktiviti di dalam **makmal kimia** adalah pembuatan **lilin** yang menerapkan perubahan fasa pepejal, cecair dan gas terhadap haba semasa proses penghasilan lilin. Lilin-lilin ini diberikan kepada pelajar dan guru sebagai cenderahati untuk dibawa pulang.

Lain-lain aktiviti di makmal kimia termasuklah membina molekul, mengenali alat radas dan menentukan isispadu cecair. Aktiviti di makmal fizik termasuklah mencari warna pelangi, mengenali gelombang, momentum dan elektrostatik. Pelajar berpeluang untuk menggunakan peralatan di dalam makmal fizik yang tiada di sekolah mereka.



Pelajar dan guru pengiring seronok bereksperimentasi dengan **warna pelangi** di makmal **fizik**.

